

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[HULU LANGAT]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**RUJUKAN : 10366**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah anak-anak tak sah taraf yang dipelihara di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dilahirkan di Malaysia, diberi kerakyatan dan kad pengenalan untuk mereka meneruskan kehidupan dalam masyarakat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa kelahiran yang berlaku di Malaysia tidak membawa kepada penganugerahan kewarganegaraan secara automatik. Selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, penentuan kewarganegaraan kanak-kanak adalah bergantung kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kanak-kanak tersebut sewaktu kelahiran berlaku.

Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan penganugerahan kewarganegaraan Malaysia adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak di bawah jagaan mereka yang mana pertimbangan akan dibuat secara *case-by-case*.